

24.4.2025  
Siaran Media

**DATO' IR. PATHMANATHAN K.**  
CEO, PBAPP dan PBAHB.

**PERINGATAN: SEMUA SISTEM “SIAP SEDIA” UNTUK GANGGUAN BEKALAN AIR BERJADUAL BERMULA JAM 10.00 MALAM ESOK.**

PULAU PINANG, Khamis, 24.4.2025: Gangguan Bekalan Air Berjadual (SWSI) pada 25.4.2025 di Pulau Pinang akan bermula pada jam 10.00 malam esok (Jumaat, 25.4.2025).

SWSI ini akan menjejaskan sejumlah 341,708 pengguna air di seluruh 5 daerah di Negeri Pulau Pinang: Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS) serta Daerah Timur Laut (DTL) dan Daerah Barat Daya (DBD) di bahagian pulau.

PBAPP menasaskan untuk mencapai pemulihan perkhidmatan bekalan air seperti berikut:

- **Pemulihan 40% dalam tempoh 24 jam** (sebelum jam 10.00 malam pada Sabtu, 26.4.2025) untuk 136,683 pengguna terjejas di SPU, SPT dan DTL;
- **Pemulihan 88% dalam tempoh 48 jam** (sebelum jam 10.00 malam pada Ahad, 27.4.2025) untuk majoriti pengguna air terjejas di SPS dan DBD (163,502 pengguna); dan
- **Pemulihan 100% dalam tempoh 60 jam** (sebelum jam 10.00 pagi pada Isnin, 28.4.2025) untuk baki 41,523 pengguna di kawasan hujung paip agihan (HPA/EoL) dan kawasan tanah tinggi di SPS dan DBD.

**Untuk perincian kawasan terjejas dan jadual pemulihan yang dirancang, sila layari [www.pba.com.my](http://www.pba.com.my).**

Skop dan tempoh SWSI ini sebahagian besarnya berkaitan dengan henti tugas separa 16 jam Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua.

Henti tugas itu perlu untuk PBAPP menyiapkan 23 projek kerja air di seluruh Pulau Pinang. Kerja-kerja penyediaan tapak untuk semua projek telah diselesaikan mengikut jadual.

Selepas semua projek siap, PBAPP akan menyambung semula operasi pengeluaran air optimum di LRA Sungai Dua dan mengepam air terawat kepada pengguna yang terjejas.

Air yang dipam dari Sungai Dua akan sampai kepada pengguna di lokasi berbeza pada masa berbeza. Oleh itu, jadual pemulihan air dirancang dalam 3 fasa: 24 jam, 48 jam dan 60 jam.

### **Peringatan penyimpanan air dan “Pelan Bantuan Air” SWSI**

Pengguna air yang terjejas diingatkan untuk menyimpan air yang mencukupi untuk digunakan sepanjang jangka masa SWSI yang diunjurkan mengikut lokasi mereka yang spesifik.

PBAPP juga sedang melaksanakan “Pelan Bantuan Air” (WRP) SWSI. Sebanyak 182 tangki air (tangki statik dan “gajah” flexi) telah ditempatkan di lokasi strategik di semua 5 daerah. Pengguna air domestik boleh mendapatkan air dari tangki air terdekat seperti yang diperlukan semasa SWSI.

Hari ini, Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang YB Zairil Khir Johari telah melancarkan 80 buah lori tangki air yang akan mengisi dan mengisi semula tangki-tangki itu mengikut jadual yang ditetapkan.

### **Kemas kini dan Pusat Panggilan 24 jam PBAPP**

PBAPP akan menyiarkan kemas kini berkala mengenai kemajuan projek kerja air dan proses pemulihan bekalan air di halaman FBnya untuk paparan umum. Kami juga akan mengeluarkan siaran media massa harian untuk berkongsi berita tepat pada masanya dengan media massa dan orang ramai.

Pengguna air yang memerlukan nasihat dan bantuan boleh menghubungi Pusat Panggilan 24 jam kami (no.tel: 04 255 8 255 dan 04 509 6 509).

PBAPP memohon maaf di atas segala kesulitan yang akan timbul oleh SWSI ini, bagaimanapun kita perlu menyelesaikan kerja dengan baik untuk mempertingkatkan perkhidmatan bekalan air di Pulau Pinang.

Kefahaman, persiapan dan kerjasama tuan/puan amatlah dihargai.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Seksyen Komunikasi Korporat  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)